

**BN Kota Marudu Bersiap Sedia Untuk Pilihan Raya Umum
Bernama
15 April , 2012**

KOTA MARUDU, 15 April (Bernama) -- Jentera Barisan Nasional (BN) Kota Marudu telah bersedia sepenuhnya untuk menghadapi pilihan raya umum pada bila-bila masa, kata pengerusinya Datuk Seri Dr Maximus Ongkili.

Beliau yang mempengerusikan mesyuarat dengan pemimpin-pemimpin bahagian BN di sini berkata mesyuarat itu membincangkan persediaan setiap komponen parti dalam menghadapi pilihan raya umum, termasuk mewujudkan jawatankuasa pusat mengundi dan bilik operasi utama BN.

"Setiap parti komponen juga menubuhkan pusat operasi masing-masing dan mengemaskini senarai anggota mereka," kata Ongkili yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Beliau berkata beberapa siri bengkel juga akan dianjurkan untuk pengerusi jawatankuasa kampung dan ketua kampung bagi seluruh kawasan Parlimen Kota Marudu minggu depan.

Ongkili yang juga Anggota Parlimen Kota Marudu berkata bengkel latihan itu akan digunakan sebagai saluran untuk mengemaskini dan memaklumkan pengerusi jawatankuasa kampung dan ketua-ketua kampung mengenai peranan dan fungsi serta tugas mereka sebagai ejen transformasi selaras dengan aspirasi kerajaan untuk negara.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=659204>